KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	18.07.22	MUKA SURAT	:	16
JABATAN	:	PERHILITAN			



KAMARUL Zaman menunjukkan pagar kebun milik penduduk yang dirosakkan gajah liar di Kampung Tok Uban. - Gambar NSTP/ HAZIRA AHMAD ZAIDI

Oleh Hazira Ahmad Zaidi
am@hmetro.com.my

Kuala Krai

Sia-sia saja tanam pisang

Penduduk berdepan kerugian kawanan gajah kerap masuk kampung musnahkan tanaman

Lebih 1,000 penduduk membabitkan sembilan kampung di daerah ini mendakwa hidup dalam kebimbangan apabila berdepan ancaman kawanan gajah liar yang berkeliaran di penempatan mereka serta memusnahkan tanaman sejak lebih dua bulan lalu.

Penduduk Kampung Tok Uban, Mohd Ridzuman Hanapi, 37, berkata kawasan kampungnya kerap menjadi tempat gajah liar berkeliaran untuk mencari sumber makanan sehingga merosakkan tanaman penduduk seperti pokok pisang, pokok kelapa dan pokok kelapa sawit.

Menurutnya, kali terakhir kawanan gajah liar masuk ke kawasan kampung dan merosakkan tanaman penduduk pada 2020 sebelum kumpulan terbabit muncul kembali, tahun ini.

"Bagaimanapun, ancaman haiwan liar ini lebih kerap berlaku sejak lebih sebulan lalu kerana gajah berkenaan akan masuk ke kawasan kampung pada waktu malam dengan merosakkan tanaman kelapa, pisang dan sayur-sayuran, tetapi bersembunyi dalam hutan berdekatan pada waktu siang.

> *Penduduk percaya ada tiga kumpulan gajah dan ia sudah dihalau ke dalam hutan namun ia kembali semula untuk merosakkan tanaman penduduk"*
>
> **Mohd Ridzuman**

"Kemunculan kumpulan gajah liar di kawasan kebun penduduk sehingga merosakkan tanaman sejak akhir-akhir ini dipercayai kerana habitatnya terancam.

"Penduduk percaya ada tiga kumpulan gajah dan ia sudah dihalau ke dalam hutan, namun ia kembali semula untuk merosakkan tanaman penduduk," katanya.

Pemilik kebun pisang, Wan Harun Wan Ahmad, 43, berkata, ancaman gajah liar memusnahkan tanamannya bermula sejak awal tahun ini dan semakin menjadi-jadi pada Mei lalu.

"Saya berbelanja RM3,000 untuk memasang pagar elektrik di sekeliling kebun pisang namun masalah tidak berkesudahan sebaliknya menanggung kerugian apabila kebun berkeluasan lima ekar (2.02 hektar) diceroboh gajah liar dan banyak pokok pisang yang dimusnahkan.

"Penat-penat tanam pokok pisang, senang saja gajah-gajah ini memusnahkan. Sepanjang tahun lalu, saya boleh mengeluarkan tiga kali hasil untuk menambah pendapatan keluarga.

"Tahun ini, tanaman pisang diusaha hanya sia-sia dan berputus asa teruskannya apabila melihat banyak pohon pisang yang dimusnahkan kumpulan gajah liar," katanya.

Sementara itu, Penghulu Mukim Lata Rek, Kamarul Zaman Jaafar berkata, dia sudah memaklumkan perkara itu kepada Jabatan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) untuk tindakan lanjut.